



MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON
JABATAN PERBANDARAN & KESIHATAN PERSEKITARAN
BANGUNAN TERMINAL BAS PORT DICKSON
71000 BANDAR PORT DICKSON,
NO. TEL : 06-6462057/2069/2351
NO. FAX : 06-6462590

BORANG PERMOHONAN SEWAAN PADANG MERDEKA

MAKLUMAT PEMOHON

NAMA : _____

NO. K/P : _____

NAMA PERSATUAN /
KELAB BOLA SEPAK : _____

ALAMAT : _____

NO. TELEFON RUMAH : _____

PEJABAT : _____

BIMBIT : _____

MAKLUMAT PENGGUNAAN PADANG

TARIKH PENGGUNAAN : _____ HINGGA _____

MASA : _____ HINGGA _____

TUJUAN : _____

JAWATAN/ BAHAGIAN : _____
(UNTUK KAKITANGAN MPPD)

MAKLUMAT SEWAAN PADANG

1. Kadar sewaan padang adalah sebanyak RM75.00 untuk satu (1) jam.
2. Kadar caj pembersihan sebanyak RM9.00 untuk satu (1) jam selepas waktu bekerja/hari minggu/hari cuti am.
3. Bayaran hendaklah dibuat selepas mendapat kelulusan daripada pihak Majlis dan perlu dijelaskan dalam tempoh 14 hari sebelum tarikh penggunaan.
4. Padang Merdeka MPPD menggunakan rumput sintetik.

PENGGUNAAN PADANG YANG DIBENARKAN

1. **AKTIVITI BERKAITAN BOLA SEPAK SAHAJA.**

SYARAT – SYARAT PENGGUNAAN

1. Pihak Majlis berhak untuk **membatalkan** kelulusan yang diberikan sekiranya pada tarikh yang dipohon, terdapat penggunaan rasmi kerajaan / pembaikan dan lain -lain. Pihak Majlis akan memaklumkan melalui panggilan telefon atau surat menyurat untuk membatalkan permohonan penyewa.
2. Pemohon / penyewa hanya dibenarkan menggunakan padang dengan masa sewaan yang dipohon sahaja.
3. Pihak Majlis tidak akan membenarkan penundaan tarikh penggunaan sekiranya pihak pemohon / penyewa membatalkan penggunaan atau keadaan cuaca yang buruk. Pemohon / penyewa perlu membuat permohonan dan bayaran semula.
4. **Hanya pertandingan / perlawanan / aktiviti sukan bola sepak sahaja dibenarkan** untuk penggunaan padang. **Tidak dibenarkan** sama sekali untuk mengadakan aktiviti-aktiviti lain selain sukan bola sepak.
5. **Kebersihan** haruslah dijaga sepanjang penggunaan semasa sewaan. Barang – barang yang dibawa oleh pihak pemohon / penyewa hendaklah di bawa pulang dan tidak dibenarkan tinggal di dalam kawasan padang.
6. **DILARANG MEROKOK DI DALAM KAWASAN PADANG.**
7. **Padang Merdeka telah diisytiharkan sebagai ZON BEBAS ASAP ROKOK bagi tujuan pensijilan BLUE RIBBON. Sehubungan dengan itu, aktiviti / hebahan / iklan berkaitan dengan rokok atau seumpamanya adalah tidak dibenarkan dan menjadi kesalahan sekiranya gagal dipatuhi.**
8. Tidak boleh membawa dan mengunyah gula – gula getah di dalam kawasan padang.
9. Tidak dibenarkan membawa sebarang jenis mercun / bunga api di dalam kawasan padang.
10. Tidak boleh mengadakan sebarang pembakaran di dalam kawasan padang.
11. Tidak dibenarkan membawa haiwan peliharaan masuk ke dalam kawasan padang.
12. Hanya kasut sukan bola sahaja yang dibenarkan untuk penggunaan padang. Tapak kasut yang rata / spike dan selain dari kasut bola tidak dibenarkan sama sekali.
13. Tidak boleh mendirikan sebarang struktur di dalam padang.
14. **Tidak dibenarkan membawa kenderaan kedalam kawasan padang. Kenderaan hendaklah di tempatkan di luar kawasan padang.**
15. Pihak Majlis tidak akan bertanggungjawab atas kemalangan dan kehilangan barang pihak pemohon / penyewa.
16. Pemohon / penyewa harus mematuhi segala syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis

PERSETUJUAN PENYEWAWA

1. Saya/ kami setuju dengan bayaran yang akan dikenakan oleh Majlis Perbandaran Port Dickson sekiranya permohonan ini diluluskan.
2. Majlis boleh membatalkan mana – mana juga sewaan yang telah diluluskan dengan memberi notis secara bertulis tanpa memberi apa – apa sebab kepada penyewa dan pihak Majlis tidak akan dipertanggungjawab terhadap apa – apa akibat yang timbul dari pembatalan itu.
3. Yang Dipertua, Setiausaha atau mana – mana pegawai Majlis yang bertugas hendaklah dibenarkan masuk pada bila – bila masa untuk tujuan pemeriksaan atau menjalankan tugas – tugas yang diarahkan oleh Majlis.
4. **Majlis tidak dipertanggungjawab dari apa – apa tanggungan terhadap apa – apa kerosakkan kuasa bekalan elektrik dan air.**
5. Segala kos dan perbelanjaan yang terlibat berhubung dengan perjanjian ini hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh penyewa.
6. Menggunakan padang dalam tempoh sewaan yang telah dipohon sahaja. Tidak melebihi had waktu yang dibenarkan oleh pihak Majlis.
7. Memastikan pembersihan akan dilakukan selepas penggunaan dengan tempoh masa yang telah diberikan (perkakas/ peralatan alat pembersihan tidak disediakan oleh pihak Majlis).
8. Jika penyewa gagal atau mengingkari mana – mana daripada syarat di dalam perjanjian ini, pihak Majlis berhak menyenaraihitamkan penyewa / persatuan / kelab daripada menggunakan Padang Merdeka pada masa akan datang.

Tandatangan Pemohon,

()
No. k/p :

Tarikh

*Tandatangan hendaklah dibuat dihadapan pegawai yang bertugas

HANYA UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA

PEGAWAI PENERIMA :
TARIKH PENERIMAAN PERMOHONAN :
BUTIRAN SEWAAN : **RM** **X** JAM
JUMLAH SEWAAN : **RM**

ULASAN/ CATATAN

.....
.....

TANDATANGAN/ COP PEGAWAI PENERIMA

ULASAN/ CATATAN

PENGARAH (JABATAN PELESENAN & HASIL)

.....
.....

TANDATANGAN/ COP PEGAWAI PENERIMA

KELULUSAN YDP/ SETIAUSAHA

.....
.....

LULUS / TIDAK DILULUSKAN